

18/06/1999

Bekas ahli S46 layak jadi calon pilihan raya

KUALA LUMPUR, Khamis - Bekas ahli Parti Semangat 46 (S46) yang menyertai semula Umno layak menjadi calon parti itu dalam pilihan raya akan datang, walaupun belum lima tahun menjadi ahli, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, parti itu mengecualikan bekas ahli S46 daripada peruntukan Perlembagaan kerana peruntukan sekurang-kurangnya lima tahun menjadi ahli sebelum layak bertanding dibuat selepas mereka menyertai Umno.

"Kita berpendapat ahli S46 yang menyertai semula Umno adalah ahli parti sepenuhnya. Tidak ada diskriminasi terhadap mereka," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), malam tadi.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Naib Presiden Umno.

Pada mesyuarat itu, Menteri Besar Pahang, Datuk Adnan Yaakob, yang menggantikan Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, mengangkat sumpah sebagai ahli MT.

Mohd Khalil melepaskan jawatan sebagai Menteri Besar Pahang berikutan pelantikannya sebagai Menteri Penerangan.

Dr Mahathir berkata, beliau membuat penjelasan itu kerana ada ahli yang menganggap kenyataannya pada taklimat presiden semalam turut membabitkan bekas ahli S46 yang menyertai Umno.

Berikutan kenyataan itu, katanya, timbul soalan apa akan terjadi kepada bekas ahli S46 yang menyertai semula Umno. Apakah Umno menerima keahlian mereka dari tarikh mereka menyertai semula parti?

Ditanya mengenai penerimaan ahli Umno terhadap keputusan itu, Perdana Menteri berkata:

"Apa yang kita pasti mereka adalah ahli Umno. Sehubungan itu jangan kita diskriminasi dan bezakan di antara ahli Umno dan bekas S46."

Menurut Dr Mahathir, apa yang penting ahli Umno tidak menjadikan perkara itu sebagai isu dan bersedia menerima sesiapa saja yang dicalonkan bertanding dalam pilihan raya.

Mengenai kemungkinan bekas Presiden S46, Tengku Razaleigh Hamzah, diberi peluang menjadi Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan, Perdana Menteri secara berseloroh berkata, beliau tidak fikir lagi mengenai perkara itu dan mengucapkan terima kasih kepada cadangan berkenaan.

Dalam sidang akhbar itu, Dr Mahathir turut melahirkan rasa puas hati MT dengan prestasi Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno.

Menurutnya, sebahagian perkara yang dibangkitkan dalam perhimpunan itu akan diambil tindakan oleh parti dan disampaikan kepada kerajaan.

(END)